


SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!






Mohamed Azmin ( tengah ) ketika sidang akhbar selepas melawat PPV Pikas di Pusat Konvensyen Setia City hari ini

# Kes positif kilang hanya lima hingga 10 peratus

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB   28 Jun 2021, 2:36 pm

SHAH ALAM – Kes positif Covid-19 melibatkan sektor pembuatan dan perkilangan hanya melibatkan lima hingga 10 peratus sahaja.

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ini berdasarkan data yang dibekalkan Kementerian Kesihatan (KKM) terhadap kluster-kluster yang wujud setiap hari.

“Jadi tidak benar untuk meletakkan kesalahan kepada sektor ekonomi khususnya pembuatan.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami

“Sudah tentu apabila membenarkan sektor ekonomi beroperasi, kebarangkalian kes itu berlaku juga wujud. Ini tidak seperti sektor pendidikan dan sosial yang telah ditutup sepenuhnya.

“Kebenaran sedikit aktiviti sektor ekonomi bersifat perkhidmatan perlu adalah untuk melindungi dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat khususnya Malaysia ini sebagai sebuah negara terlibat dalam rantaian bekalan global,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat pusat pemberian Vaksin Program Imunisasi Industri Covid-19

Kerjasama Awam-Swasta (Pikas) di Pusat Konvensyen Setia City, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas desakan ramai pihak supaya kilang ditutup kerana terus mencetuskan kluster yang menyumbang peningkatan kes Covid-19 ketika ini.

Mohamed Azmin turut menjelaskan berdasarkan data KKM yang telah diumumkan juga menunjukkan 75 peratus kes positif ketika ini adalah bersifat sproadik yang bermakna telah berada dalam komuniti.



“Justeru, kita meminta pihak majikan terus memastikan pematuhan prosedur operasi standard ( SOP ) selain meningkat ujian saringan secara berkala susulan kes positif tidak menunjukkan gejala,” jelasnya.

Dalam perkembangan berlainan, beliau memberitahu, berdasarkan Jabatan Statistik Negara pada suku pertama tahun ini terdapat 2.4 juta tenaga kerja sektor pembuatan dan perkilangan.

Difahamkan seramai 16,564 pekerja telah menerima suntikan di tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Johor dan Selangor yang telah melaksanakan Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (Pikas) setakat ini dalam tempoh 16 Jun hingga semalam.

“Memang ada sedikit cabaran pada Jun ini namun mengikut perancangan dan dibentangkan akan stabil pada Julai dan seterusnya.

“Kita telah mendapat jaminan bekalan vaksin sebanyak 150,000 dos akan disempurnakan pada pertengahan julai. Selain, minta kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) mendapatkan bekalan tambahan pada bulan depan dan Ogos masing-masing 600,000 dan September ( 795,000),” katanya. – K!ONLINE

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

BERITA SELANJUTNYA

by

TMJ seru masyarakat…

Baru dua minggu…

'Jaga ibu, adik-adik dengan…

AD

Inilah Cara Menjana Wan…

60,000 individu sudah divaks…

Rupa-rupanya Allah nak ba…

Video lucah mirip selebrit…

110 penduduk PKPD…

China catat 1 bilion dos…









## POPULAR



Saya bertanggungjawab atas kekalahan – De Ligt

29 Jun 2021, 10:50 am



Vaksin jadi syarat Vardhan Puri

29 Jun 2021, 10:45 am

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

TUJU





**Santos aggap Portugal jadi mangsa ‘kekejaman’ bola sepak**

29 Jun 2021, 10:45 am



**Moyang nak namakan SRK, Abdur Rehman**

29 Jun 2021, 10:40 am






Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

BERITA BERKAITAN





**Wanita potong zakar suami mahu kahwin tiga**

29 Jun 2021, 10:16 am




**Ramai ceria Elya kembali**

29 Jun 2021, 10:02 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

**Bunuh diri makin serius**

29 Jun 2021, 9:00 am






### Juara dunia Perancis diaibkan Switzerland

29 Jun 2021, 6:14 am




Kosmo!

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.